

## **Notis Perlindungan Data Peribadi Menurut Seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**

Notis Perlindungan Data Peribadi ini (“Notis”) menerangkan bagaimana Malaysia Steel Works

(KL) Berhad dan kumpulan syarikatnya, entiti dikawal bersama dan syarikat gabungan (“Kumpulan Syarikat”) menggunakan data peribadi anda. Untuk tujuan ini, “Data Peribadi” akan mempunyai maksud yang diberi di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”). Untuk tujuan Polisi Perlindungan Peribadi ini, kami akan merujuk kepada semua Syarikat dalam Kumpulan Syarikat dan “anda” merujuk kepada diri anda atau syarikat-syarikat yang anda wakil di mana anda memberikan Data Peribadi.

Jika terdapat sebarang konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa lain, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunapakai. Kumpulan Syarikat berhak untuk mengubahsuai, mengemaskini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa dengan memaparkan Notis yang telah dikemaskinikan di laman web Malaysia Steel Works (KL) Berhad dan/atau pejabat berdaftar Kumpulan Syarikat. . Komunikasi berterusan dengan Kumpulan Syarikat atau penggunaan perkhidmatan Kumpulan Syarikat berterusan selepas pengubahsuaian, kemaskini atau pemindaan Notis akan menandakan penerimaan anda terhadap pengubahsuaian, kemaskini atau pemindaan tersebut.

### **Pengutipan Data Peribadi**

1. Data Peribadi tersebut adalah tertakluk kepada perlindungan data, privasi dan undang-undang yang bersamaan, dan mungkin merangkumi matlumat berkenaan dengan nama, umur, No Kad Pengenalan, alamat e-mel, nombor pasport, alamat, jantina, tarikh kelahiran, gambar, maklumat asas anak, status perkahwinan, pekerjaan, pendapatan, maklumat untuk dihubungi, alamat emel, majikan, bangsa, asal-usul etnik, kewarganegaraan dan maklumat yang diperolehi secara berasingan oleh Kumpulan Syarikat daripada sumber-sumber lain yang sah.
2. Pemberian Data Peribadi anda adalah secara sukarela. Walaubagaimanapun, jika anda tidak memberi Data Peribadi anda, Kumpulan Syarikat mungkin tidak dapat i) berkomunikasi dengan anda; (ii) memberikan maklumat terkini mengenai produk terbaru kepada anda; (iii) memberikan notis, servis dan/atau produk seperti yang dikehendaki kepada pelanggan/bakal pelanggan; dan (iv) memberikan perkhidmatan yang anda perlu.

### **Tujuan Pemrosesan**

3. Dengan memberikan sebarang Data Peribadi anda kepada Kumpulan Syarikat, anda mengesahkan bahawa anda telah memperolehi kebenaran daripada individu atau syarikat-syarikat yang mewakili anda supaya anda membekal Data Peribadi mereka tersebut kepada kami dan anda bersetuju bahawa Kumpulan Syarikat boleh mengumpul, menyimpan dan menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:
  - (a) Untuk memberikan anda perkhidmatan atau manfaat dibawah mana-mana perniagaan atau polisi Kumpulan Syarikat ; dan/atau

- (b) Untuk memproses permohonan anda dalam mana-mana program Kumpulan Syarikat; dan/atau
- (c) Di mana berkaitan, pemasaran barangan dan perkhidmatan dan menghantar sebarang maklumat terkini, produk baru, tawaran istimewa, iklan, bahan promosi dan/atau bahan komersial kepada anda (termasuk emel, perkhidmatan mesej ringkas dan lain-lain) dan/atau digunakan untuk menyediakan dan/atau meningkatkan perkhidmatan Kumpulan Syarikat, pemrosesan invois dan pembayaran (termasuk pembayaran kad) dan menyediakan perkhidmatan lain untuk memperbaiki dan menyokong hubungan Kumpulan Syarikat dengan anda dan/atau; individu atau syarikat-syarikat yang anda mewakili; dan/atau
- (d) Untuk menjalankan penyelidikan mengenai perancangan, produk, barangan, perkhidmatan, keselamatan dan ujian; dan/atau
- (e) Melaksanakan analisis statistik untuk pelbagai objektif di dalam Kumpulan Syarikat dan menyediakan maklumat tersebut dalam Kumpulan Syarikat; dan/atau
- (f) Untuk tujuan berkaitan dengan operasi, pentadbiran, pembangunan, penyimpanan rekod atau peningkatan perniagaan Kumpulan Syarikat serta untuk tujuan yang berkenaan untuk menyokong dan/atau membantu mana-mana perniagaan Kumpulan Syarikat;
- (g) Untuk tujuan berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan/atau penguatkuasaan transaksi komersial dan untuk berhubung dan komunikasi dengan anda dan/atau mana-mana individu atau syarikat-syarikat yang anda wakili ;dan/atau;
- (h) Di mana pihak ketiga memperoleh atau ingin memperoleh, atau membuat pertanyaan berkaitan dengan perolehan, minat terhadap mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat; dan/atau
- (i) Di mana pihak ketiga perlu, supaya pihak ketiga boleh menjalankan fungsi atau perkhidmatan yang diperlukan oleh Kumpulan Syarikat; dan/atau
- (j) Untuk membolehkan Kumpulan Syarikat atau di mana pihak ketiga yang diperlukan supaya pihak ketiga boleh menjalankan fungsi atau kewajipan sebagaimana yang dikehendaki di bawah hukum, , peraturan-peraturan, undang-undang dan/atau garis panduan(sama ada mempunyai kuasa undang-undang) atau seperti yang dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan/atau bukan kerajaan, agensi atau jabatan atau pihak ketiga memerlukannya untuk memastikan pematuhan dengan perjanjian atau dokumen; dan/atau
- (k) Di mana pihak ketiga memerlukannya, untuk ujian penyediaan dan penyerahan apa-apa tuntutan atau pembayaran kepada mana-mana pihak atau untuk mana-

mana audit/pemeriksaan oleh mana-mana pihak bagi apa jua tujuan yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan Syarikat; dan/atau

- (l) Untuk tujuan penguatkuasaan hak Kumpulan Syarikat merujuk kepada mana-mana surat, perjanjian dan/atau dokumen termasuk mendapatkan nasihat tentang undang-undang dan kewangan, mengambil apa-apa langkah-langkah awal atau memulakan apa-apa tindakan undang-undang.
4. Di samping itu, Kumpulan Syarikat mungkin akan menggunakan dan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang dikehendaki anda dan untuk aktiviti perniagaan Kumpulan Syarikat yang termasuk, dan tidak terhad kepada:-
- (a) Untuk berkomunikasi dengan anda;
  - (b) Untuk memberi respon kepada soalan-soalan dan komen daripada anda;
  - (c) Untuk tujuan pentadbiran dalaman;
  - (d) Penilaian kredit dan semakan latar belakang pengguna sepertimana yang kami menganggap perlu atau sesuai;
  - (e) Untuk memberi maklumat kepada pihak pengawal selia dan pihak berkuasa kerajaan bagi mematuhi keperluan undang-undang dan kerajaan;
  - (f) Untuk Kumpulan Syarikat untuk mematuhi kewajipan undang-undang;
  - (g) Untuk dihantar kepada perujuk kerja terdahulu yang diperlukan oleh bakal pelanggan/ pelanggan dalam permintaan untuk Cadangan, tender, penyerahan;

dan anda bersetuju dan membenarkan Kumpulan Syarikat menggunakan dan memproses Data Peribadi anda mengikut cara yang dikenal pasti dalam Notis ini.

### **Tujuan lain**

5. Kumpulan Syarikat juga boleh menggunakan dan memproses data anda untuk tujuan lain seperti:-
- (a) Untuk menghantar informasi kepada anda seperti buletin, artikel, penulisan serta maklumat terkini; dan
  - (b) Untuk mengedar maklumat atau butir-butir acara, seminar, persidangan dan ceramah yang mungkin anda berminat;

melalui emel atau pos.

Jika anda tidak bersetuju dengan Kumpulan Syarikat memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang disenaraikan dalam Seksyen 5, sila maklumkan kepada Kumpulan Syarikat dengan menggunakan maklumat untuk dihubungi yang dinyatakan dalam Seksyen 9 di bawah

### **Pemindahan Data Peribadi**

6. Anda selanjutnya bersetuju bahawa Kumpulan Syarikat boleh mendedahkan dan memindahkan data peribadi anda (sama ada di Malaysia atau di luar negara) dalam kalangan mana-mana syarikat-syarikat dalam Kumpulan Syarikat dan/atau kepada pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen Kumpulan Syarikat, perunding, peguamcara, juruaudit, majikan, kontraktor, sub-kontraktor, pembekal, rakan kongsi, rakan kongsi usahasama, pengiklan, pembeli, operator rangkaian, syarikat-syarikat bersekutu, mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan, kedutaan, badan pengawal selia, pengawal selia industri, organisasi atau mana-mana institute kewangan yang berkaitan, penasihat profesional, mana-mana individu yang di bawah kewajipan kerahsiaan kepada Kumpulan Syarikat atau mana-mana syarikat-syarikat dalam Kumpulan Syarikat, pemegang serahan atau penerima pindahan yang sebenar atau yang dicadangkan atau pembeli yang mempunyai hak/perniagaan/ asset syarikat-syarikat dalam kalangan Kumpulan Syarikat, pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk keperluan operasi, pentadbiran dan pembangunan Kumpulan Syarikat dan untuk organisasi yang membekalkan perkhidmatan arkib, pengauditan, nasihat profesional, pungutan hutang, insurans, perbankan, pemasaran, pengiklanan, pengeposan, penghantaran, pengrekatan, pusat panggilan, teknologi, penyelidikan, utiliti dan keselamatan menggunakan, mendedahkan, memegang, memproses, menyimpan atau memindahkan Data Peribadi tersebut bagi tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 4 dan 5 di atas bagi pihak Kumpulan Syarikat.

### **Pendedahan kepada Pihak Ketiga**

7. Kumpulan Syarikat mungkin akan melibatkan syarikat-syarikat, pembekal perkhidmatan atau individu-individu lain untuk melaksanakan fungsi bagi pihak Kumpulan Syarikat, dan justerunya mungkin memberi akses atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga seperti yang disenaraikan di bawah (tidak terhad):
- (a) Pembekal perkhidmatan teknologi maklumat (IT);
  - (b) Pembekal perkhidmatan pemasukan data;
  - (c) Pembekal kemudahan simpanan;
  - (d) Bank dan institusi kewangan;
  - (e) Pembekal insurans;
  - (f) Sebarang penasihat profesional dan juruaudit luar;
  - (g) Pihak pengawal selia dan kerajaan bagi mematuhi keperluan undang-undang dan kerajaan.

## **Perlindungan**

8. Kami akan menyimpan dan memproses data anda secara selamat. Kami berusaha melaksanakan prosedur pentadbiran yang sesuai dan perlindungan keselamatan dan prosedur yang selaras dengan undang-undang dan peraturan untuk mengelakkan pemprosesan Data Peribadi anda tanpa kebenaran atau yang menyalahi undang-undang serta kerugian yang tidak diingini atau kemusnahan, atau kerosakan Data Peribadi anda.

## **Akses & Permohonan Pembetulan dan Pertanyaan**

9. Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah undang-undang, anda boleh pada bila-bila masa memohon akses kepada, atau untuk membetulkan dan membaiki Data Peribadi anda atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda, atau memohon maklumat lanjut daripada Kumpulan Syarikat dengan menghubungi:-

Bahagian Sumber Manusia

29C, Off Jalan Tandang, Section 51, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul

Ehsan Emel: hr@masteel.com.my

10. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda, Kumpulan Syarikat berhak untuk menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan pada Data Peribadi anda bagi alasan-alasan yang dibenarkan di bawah undang-undang, seperti di mana kos pemberian akses kepada anda adalah melebihi tanggungan risiko kepada privasi anda.

## **Pindaan Polisi Perlindungan Data Peribadi**

11. Kumpulan Syarikat berhak untuk meminda Polisi Perlindungan Data Peribadi ini dari semasa ke semasa tanpa memberi notis dahulu. Kumpulan Syarikat menasihatkan supaya anda menyemak Polisi Perlindungan Data Peribadi ini dari masa ke semasa.

Dikemaskini pada 2 September 2016